



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH
Aras Bawah, 6, 8 - 11 dan 13, Wisma Bandaraya
Jalan Masjid Lama
88000 KOTA KINABALU



No. Tel.: 088 288333 No. Faks: 088 269071

Rujukan Kami : KSTI : 100-4/1 (30)

Tarikh : 27 Oktober 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Pegawai Daerah / Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil;
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri;
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri;

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
BILANGAN 3/2025
GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta Surat Pekeliling Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Bilangan 3/2025: Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan *Internet*, No. Rujukan KSTI: 100-4/1(17) bertarikh 26 September 2025.

2. Untuk makluman, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Sabah telah mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan *Internet*. Garis panduan ini bertujuan memantapkan tadbir urus penggunaan *Internet* melalui sistem rangkaian Sabah.Net oleh penjawat awam di Agensi Kerajaan Negeri Sabah (AKNS).
- ... 3. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah awal dalam kawalan keselamatan siber, pihak kementerian memohon agar pekeliling dan garis panduan ini diguna pakai serta dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan. Bersama-sama ini dilampirkan salinan Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan *Internet* untuk rujukan dan tindakan YBhg. Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(HASSAN BIN MAHALI)

Setiausaha Tetap
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah

“SABAH MAJU JAYA”

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 3/2025
GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN INTERNET

- s.k (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (4) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Tingkat 29, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH
Aras Bawah, 6, 8 - 11 dan 13, Wisma Bandaraya
Jalan Masjid Lama
88000 KOTA KINABALU



No. Tel.: 088 288333 No. Faks: 088 269071

Rujukan Kami : KSTI : 100-4/1 (17)

Tarikh : 26 September 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Semua Penolong Pegawai Daerah (Kecil)
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Yang Berbahagia Datuk,
Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
BILANGAN 3/2025
GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET*

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memantapkan tadbir urus penggunaan Internet melalui sistem rangkaian Sabah.Net oleh penjawat awam di Agensi Kerajaan Negeri Sabah (AKNS).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan sistem rangkaian Sabah.Net sejak 1997 untuk tujuan capaian ke sistem aplikasi, e-mel dan *Internet*. Kemudahan ini adalah sangat penting bagi menjayakan pelaksanaan pendigitalan di agensi-agensi Kerajaan Negeri Sabah.
- 2.2 Prestasi dan keselamatan sistem rangkaian komputer adalah mustahak agar operasi sistem aplikasi atas talian, mel elektronik dan *Internet* sentiasa berjalan dengan lancar.
- 2.3 Penggunaan kemudahan sistem rangkaian komputer yang tidak terkawal akan menjejaskan perkhidmatannya dan boleh mengakibatkan risiko keselamatan terhadap data, dokumen atau maklumat yang dihantar atau diterima melalui saluran media elektronik.

“SABAH MAJU JAYA”

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 3/2025
GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET*

3. KEPERLUAN

- 3.1 Pewujudan tatacara penggunaan *Internet* seperti dalam lampiran yang disertakan adalah perlu sebagai langkah awal dalam kawalan keselamatan siber.
- 3.2 Peranan semua lapisan penjawat awam AKNS untuk mencegah insiden keselamatan siber melalui pematuhan tatacara ini adalah penting memandangkan kawalan keselamatan siber adalah tanggungjawab bersama.

4. RUJUKAN PEKELILING

- 4.1 Pekeliling ini dibaca bersama;
 - 4.1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah Bil. 1/2010 -Penggunaan Perkhidmatan Sabah.Net, Ruj: Bil.CMD. JKM.100-43/5, tarikh: 20 September 2010, dan;
- 4.2 Rujukan Pekeliling yang berkaitan;
 - 4.2.1 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 - Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan *Internet* dalam Mel Elektronik di Agensi Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.
 - 4.2.2 Langkah-Langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan, Rujukan UPTM 159/529/9 Jld 4. (59), tarikh: 1 Jun 2007, dan;
 - 4.2.3 Langkah-Langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan, Rujukan: UPTM 159/526/9 Jld. 4 (60), tarikh: 23 Nov 2007 yang dikeluarkan oleh MAMPU.
 - 4.2.4 Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri Sabah.

5. TARIKH KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.
- 5.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Bil. No. 1/2018 - Penyalahgunaan Kemudahan Rangkaian Sabah.Net Ruj: KPSKTM/KIT:100-44/2/3 JLD.18 (19) bertarikh 24 April 2018 adalah **DIBATALKAN.**

“SABAH MAJU JAYA”

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 3/2025
GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET*

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai pekeliling ini boleh dirujuk ke alamat perhubungan di bawah:

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu
Tel : 088-368900
Emel: jpkn@sabah.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HASSAN BIN MAHALI)

Setiausaha Tetap

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah

- s.k (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
Tingkat 25, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 3/2025
GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET*

- (4) YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas – Tugas Khas)
Tingkat 29, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

**(LAMPIRAN KEPADA SURAT PEKELILING
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BILANGAN 3/2025)**

GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET*

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
1. PENGENALAN	1
2. TATACARA PENGGUNAAN INTERNET	1
3. KAWALAN KESELAMATAN	4
4. TANGGUNGJAWAB PENTADBIR SISTEM	4
5. TANGGUNGJAWAB AGENSI	5
6. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA	6
7. TINDAKAN TERHADAP PENYALAHGUNAAN	7
8. PERTANYAAN	7
9. PENUTUP	7

1. PENGENALAN

1.1 Perkhidmatan Awam Negeri sedang gigih melaksanakan program pendigitalan perkhidmatan awam sebagai usaha meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan ICT dalam operasi harian.

1.2 Teknologi *Internet* merupakan infrastruktur saluran global yang memudahkan perhubungan antara pengguna dan penyedia maklumat dalam pelbagai bentuk format yang merupakan sumber rujukan pembelajaran, penyelidikan, analisis, rekreasi dan pelbagai bahan yang berfaedah, namun punca maklumat ini adalah tidak terkawal.

1.3 Justeru, penjawat awam perlu memainkan peranan dan bertindak secara bijak menilai kesahihan, ketepatan dan kesesuaian sesuatu maklumat yang diperolehi agar kerja yang dilaksanakan tidak menyimpang dari tujuan sebenar.

1.4 Garis panduan ini merupakan rujukan bagi meningkatkan tahap kesedaran kawalan keselamatan siber di kalangan penjawat awam AKNS.

2. TATACARA PENGGUNAAN *INTERNET*

2.1 Kawalan penggunaan sistem rangkaian Sabah.Net untuk akses ke *Internet* adalah perlu untuk mengelakkan risiko ancaman keselamatan siber. Bagi menjamin kemudahan *Internet* digunakan dengan selamat adalah wajar setiap anggota perkhidmatan awam memberikan kerjasama untuk mematuhi garis panduan ini dan sebagai asas pengetahuan tentang penggunaan *Internet* yang berhemah.

2.2 Berikut adalah tatacara yang perlu dipatuhi dalam penggunaan *Internet*.

2.2.1 Hak Akses Pengguna

Hak akses hendaklah dilihat sebagai satu kemudahan yang disediakan oleh agensi untuk membantu melicinkan pentadbiran atau memperbaiki perkhidmatan yang disediakan. Pengguna harus mengambil maklum bahawa semua aset ICT di bawah kawalannya (termasuk maklumat) adalah hak milik Kerajaan.

2.2.2 Memilih Laman atau Media Sosial

Laman atau media sosial yang dilayari hendaklah hanya yang berkaitan dengan bidang kerja dan terhad untuk tujuan yang dibenarkan oleh Ketua Agensi.

2.2.3 Pengesahan Maklumat

Bahan yang diperolehi dari *Internet* perlu ditentukan ketepatan dan kesahihannya. Sebagai amalan baik, rujukan sumber *Internet* hendaklah dinyatakan.

2.2.4 Muat Naik Bahan

Bahan rasmi yang hendak dimuat naik ke *Internet* hendaklah disemak dan mendapat pengesahan daripada Ketua Agensi atau pegawai yang mahir dalam perkara tersebut *Subject Matter Expert* sebelum dimuat naik. Dokumen rasmi yang terperingkat sama ada terhad, sulit dan rahsia tidak dibenarkan untuk dimuat naik.

2.2.5 Muat Turun Bahan

Tindakan memuat turun hanya dibenarkan ke atas bahan yang sah seperti perisian yang berdaftar dan di bawah hak cipta terpelihara. Sebarang bahan yang dimuat turun dari *Internet* hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan oleh Ketua Agensi sahaja.

2.2.6 Perbincangan Awam

Pegawai perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Agensi untuk melibatkan diri dalam perbincangan awam melalui media sosial dan kandungan perbincangan awam mestilah mendapat pengesahan yang telah ditetapkan oleh agensi. Setiap maklumat yang dikongsi melambangkan imej Kerajaan, dengan sebab itu setiap pegawai mestilah bertindak dengan bijaksana, jelas dan berupaya mengekalkan konsistensi dan keutuhan maklumat berkenaan.

2.3 Penjawat awam adalah **dilarang** daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara penggunaan *Internet* seperti:

2.3.1 Memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen;

2.3.2 Menyediakan dan menghantar maklumat berulang-ulang yang bersifat mengganggu, menyusahkan, atau menyinggung;

2.3.3 Menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan, imej atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah;

2.3.4 Menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan maklumat *Internet* yang melibatkan sebarang pernyataan fitnah atau hasutan yang boleh memburuk dan menjatuhkan imej Kerajaan;

2.3.5 Menyalahgunakan kemudahan perbincangan awam atas talian seperti newsgroup dan *bulletin board* dengan menyebarkan maklumat palsu, ucapan kebencian, buli siber, kandungan tidak sesuai, atau menggunakan identiti palsu.

2.3.6 Memuat naik, memuat turun dan menyimpan gambar atau teks yang bercorak penentangan yang boleh membawa keadaan huru-hara dan menakutkan pengguna *Internet* yang lain;

2.3.7 Memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian berbentuk hiburan atas talian seperti permainan elektronik, video dan lagu;

2.3.8 Memuat naik, memuat turun, dan menyimpan maklumat terperinci, iaitu data rasmi yang dikawal mengikut tahap kerahsiaan tertentu seperti Sangat Rahsia, Rahsia, Sulit, atau Terhad, bagi melindungi keselamatan, operasi, dan kepentingan pihak berkaitan;

2.3.9 Menggunakan kemudahan *Internet* untuk tujuan peribadi iaitu sebarang aktiviti yang tidak berkaitan dengan tugas rasmi atau kepentingan organisasi.

2.3.10 Menjalankan aktiviti-aktiviti komersial dan politik;

2.3.11 Melakukan aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti penganas;

2.3.12 Memuat naik, memuat turun, menghantar dan menyimpan kad elektronik, video, lagu dan kepingan fail melebihi saiz 25 megabait yang boleh mengakibatkan kelembapan perkhidmatan dan operasi sistem rangkaian komputer; dan

2.3.13 Menggunakan kemudahan modem peribadi untuk membuat capaian terus ke *Internet*.

2.4 Capaian Mel Elektronik

2.4.1 Mel elektronik atau e-mel adalah merupakan aplikasi yang membolehkan pengguna berkomunikasi antara satu dengan lain dalam bentuk mesej elektronik.

2.4.2 Semua penjawat awam AKNS perlu mempunyai e-mel rasmi yang hanya digunakan untuk tujuan rasmi. Permohonan e-mel boleh dibuat melalui Pasukan Inovasi Digital (PID) di agensi atau Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri yang terdekat.

3. KAWALAN KESELAMATAN

3.1 Keselamatan Fizikal

Sistem rangkaian dan peralatan hendaklah diletakkan di tempat yang mempunyai kawalan fizikal yang selamat daripada penceroboh atau sebarang bentuk capaian tidak sah.

3.2 Keselamatan Dokumen Elektronik

Bagi memastikan semua dokumen rasmi atas talian adalah bebas daripada sebarang bentuk ancaman keselamatan, perisian anti-virus dan penapis *malicious codes* perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.

Semua maklumat rahsia rasmi atas talian perlu berada dalam bentuk teks sifer (kod rahsia) sepanjang masa, manakala maklumat rahsia rasmi yang tidak diperlukan atas talian mesti dipindahkan segera ke media storan elektronik sekunder dalam bentuk teks sifer dan hendaklah dikelaskan. Peraturan mengelaskan maklumat digital telah digariskan dalam dokumen *Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook* (MyMIS), Buku Arahan Keselamatan dan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987 "Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986".

3.3 Tandatangan Digital

Agensi Kerajaan yang mengendalikan maklumat rahsia rasmi perlu menggunakan tandatangan digital yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa perakuan tempatan yang ditauliahkan oleh Kerajaan iaitu Pihak Berkuasa Persijilan (*Certification Authority*).

4. TANGGUNGJAWAB PENTADBIR SISTEM

4.1 Pentadbir sistem rangkaian Sabah.Net yang dilantik iaitu Sabah.Net Sdn. Bhd adalah berperanan untuk memastikan sistem rangkaian beroperasi dengan sempurna dan berkesan. Diantara tanggungjawabnya adalah seperti berikut:-

4.1.1 Memantau penggunaan sistem rangkaian komputer dan melaporkan kepada Ketua Agensi dan pihak yang berkepentingan pada bila-bila masa diperlukan;

4.1.2 Menghalang kemasukan maklumat ke laman *Internet* yang berunsur ganas, lucah, permainan elektronik atas talian, judi dan aktiviti lain yang dilarang;

4.1.3 Memaklumkan kepada Ketua Agensi dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri sekiranya mengalami insiden keselamatan seperti pencerobohan sistem, serangan virus atau sebarang masalah kerosakan;

4.1.4 Menyimpan jejak audit di dalam pelayan e-mel, penyimpanan storan dan pengarkiban. Penyimpanan media storan sama ada di luar atau di dalam kawasan mestilah mempunyai ciri-ciri keselamatan fizikal yang terjamin untuk mengelakan risiko kehilangan maklumat bernilai;

4.1.5 Mengurus dan menangani insiden yang berlaku dengan segera dan sistematik sehingga keadaan kembali pulih, dan;

4.1.6 Melaksanakan penyelenggaraan ke atas sistem rangkaian dan peralatan supaya berfungsi dengan sempurna dan baik. Memastikan *patches* perisian sistem rangkaian sentiasa dikemaskini dengan versi terkini.

5. TANGGUNGJAWAB AGENSI

5.1 Ketua Agensi dan pegawai-pegawai di semua peringkat hendaklah mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

5.1.1 Memastikan peralatan-peralatan ICT agensi berada ditahap baik iaitu mampu menampung sistem pengoperasian yang masih disokong oleh pembekal utama (*product principal*) serta sentiasa dikemaskini dengan versi *patches* terkini;

5.1.2 Konfigurasi peralatan ICT adalah mengikut piawaian industri dan dilengkapi dengan perisian antivirus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Agensi perlu memaklumkan Ketua Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) sekiranya menggunakan perisian antivirus yang lain; dan

5.1.3 Memastikan program-program kesedaran keselamatan siber diberikan kepada semua pengguna agar penggunaan *Internet* dan e-mel dapat dilaksanakan dengan cara yang betul dan selamat.

5.2 Penggunaan Proksi

Penggunaan perisian proksi atau *virtual private network* (VPN) selain daripada yang disediakan oleh Sabah.Net perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) iaitu Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.

6. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

6.1 Pengguna hendaklah mematuhi tatacara penggunaan *Internet* yang telah ditetapkan agar keselamatan ke atas pemakaiannya terus terjamin. Peranan dan tanggungjawab pengguna adalah seperti berikut:-

6.1.1 Semua peralatan dan sistem komputer yang digunakan untuk akses ke sistem aplikasi, laman sesawang dan *Internet* perlu dilengkapi dengan kata laluan yang mematuhi kriteria katalaluan kukuh (rujukan Dasar Keselamatan Siber Sektor Awam Negeri);

6.1.2 Menggunakan akaun atau alamat e-mel yang diperuntukan oleh Pentadbir Sistem e-mel sahaja;

6.1.3 Memastikan setiap fail yang dimuat turun bebas dari virus sebelum digunakan;

6.1.4 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kandungan fail elektronik termasuk e-mel di dalam akaun sendiri. Dengan itu, pengguna perlu bertindak bijak dan berhati-hati apabila berkomunikasi menerusi saluran elektronik;

6.1.5 Berhenti dan memutuskan talian dengan serta-merta sekiranya menerima dan disambungkan ke laman *Internet* yang mengandungi unsur-unsur tidak menyenangkan;

6.1.6 Membuat dan menyimpan salinan data pada media storan tambahan seperti pemacu keras luaran, storan awan, atau pelayan sandaran untuk melindungi maklumat daripada kehilangan, kerosakan, atau kegagalan sistem utama.

6.1.7 Mengaktifkan *password screen saver* atau log keluar sekiranya meninggalkan sistem komputer;

6.1.8 Tidak membuat instalasi dan menggunakan perisian yang tidak berlesen, jika didapati akan menjadi kesalahan yang boleh menyebabkan tindakan undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa dan kesalahan adalah ditanggung oleh pengguna sendiri; dan

6.1.9 Memaklumkan kepada pegawai keselamatan ICT (ICTSO) Agensi atau Negeri sekiranya berlaku atau mengesyaki berlakunya insiden keselamatan siber.

7. TINDAKAN TERHADAP PENYALAHGUNAAN

Penjawat awam yang didapati menyalahgunakan kemudahan sistem rangkaian Sabah.Net dan mengakibatkan ancaman keselamatan ICT akan dilaporkan kepada Ketua Agensi masing-masing untuk tindakan sewajarnya selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeliling ini dan Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan *Internet* dan Mel Elektronik boleh dirujuk ke alamat perhubungan di bawah:

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu
Tel: 088-368900
Emel: jpkn@sabah.gov.my

7. PENUTUP

Garis Panduan ini akan dikemaskini mengikut keperluan dan selaras dengan arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perundangan. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen *Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook* (MyMIS);

Buku Arahan Keselamatan, dan;

Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri Sabah.